



PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 20/2023

**PEMATUHAN LANGKAH PENJIMATAN UTILITI
DI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

1. Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 11/2023 (Kali ke-276) bertarikh 22 Jun 2023 bersetuju agar warga Universiti mematuhi dan mengamalkan inisiatif dan langkah penjimatan utiliti seperti mana berikut:

BIL.	INISIATIF	TINDAKAN
1.	MENGURANGKAN PENGGUNAAN SEMUA JENIS LAMPU a. Mengurangkan penggunaan lampu pejabat daripada 9 jam sehari kepada 8 jam sehari sahaja. b. Melaksanakan pengoperasian lampu jalan secara bergilir. c. Melaksanakan pengoperasian lampu kawasan secara berkelompok.	i. Menutup lampu pada waktu rehat antara jam 1:00 – 2:00 petang. ii. Menampal notis penjimatan utiliti di setiap PTj. iii. Mengadakan audit berkala. iv. Melantik penjaga bilik dan bangunan. v. Surat peringatan kepada PTj berkaitan ketidakpatuhan akan dikeluarkan.
2.	MENGURANGKAN PENGGUNAAN LAMPU PEJABAT DAN PENDINGIN HAWA a. Menutup suis lampu dan pendingin hawa individu semasa ketiadaan staf di pejabat. b. Menutup suis lampu dan pendingin hawa berasingan di lokasi PdP (kuliah / tutorial/ studio / makmal / bengkel) sewaktu kelas tidak beroperasi.	
3.	MENGURANGKAN PENGGUNAAN PENDINGIN HAWA a. Mengurangkan penggunaan pendingin hawa pejabat secara berpusat daripada 9 jam sehari kepada 8 jam sehari sahaja iaitu 30 minit awal waktu pejabat (7:30 – 8:00 pagi) dan 30 minit akhir waktu pejabat (5:30 – 6:00 petang).	

	b. Menetapkan suhu pendingin hawa berpusat daripada 20° Celcius kepada 24° Celcius.	
--	---	--

2. Pemakaian Pekeliling Pentadbiran Bil. 20/2023 berkaitan Pematuhan Langkah Penjimatan Utiliti di Universiti Malaysia Kelantan ini adalah berkuatkuasa serta merta.


Sekian, terima kasih.

“ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI”

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(KHAIRUL ERUWAN BIN ABDUL HALIM, P.J.K)

Pendaftar

30 JULAI 2023

- | | | |
|-----|---|---------------------------------|
| s.k | - | Naib Canselor |
| | - | Timbalan-Timbalan Naib Canselor |
| | - | Semua Ketua Pusat Tanggungjawab |

Jom JIMAT TENAGA

01

MENGURANGKAN PENGGUNAAN SEMUA JENIS LAMPU

- Mengurangkan penggunaan lampu pejabat daripada 9 jam sehari kepada 8 jam sehari sahaja.
- Melaksanakan pengoperasian lampu jalan secara bergilir
- Melaksanakan pengoperasian lampu kawasan secara berkelompok

02

MENGURANGKAN PENGGUNAAN LAMPU PEJABAT DAN PENDINGIN HAWA

- Menutup suis lampu dan pendingin hawa individu semasa ketiadaan staf di pejabat.
- Menutup suis lampu dan pendingin hawa berasingan di lokasi PdP (kuliah / tutorial/ studio / makmal / bengkel) sewaktu kelas tidak beroperasi.


03

MENGURANGKAN PENGGUNAAN PENDINGIN HAWA

- Mengurangkan penggunaan pendingin hawa pejabat secara berpusat daripada 9 jam sehari kepada 8 jam sehari sahaja iaitu 30 minit awal waktu pejabat (7.30 – 8.00 pagi) dan 30 minit akhir waktu pejabat (5.30 – 6.00 petang).
- Menetapkan suhu pendingin hawa berpusat daripada 20o Celcius kepada 24o Celcius.

TINDAKAN

- Menutup lampu pada waktu rehat antara jam 1.00 – 2.00 petang.
- Menampal notis penjimatan utiliti di setiap PTj.
- Mengadakan audit berkala.
- Melantik penjaga bilik dan bangunan.
- Surat peringatan kepada PTj berkaitan ketidakpatuhan akan dikeluarkan.



Disediakan Oleh :

Pusat Pembangunan dan Pengurusan Infrastruktur